



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1) DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1 Julai 2009**

#### **Situasi Semasa**

Sehingga 1 Julai 2009 jam 8.00 pagi terdapat 38 kes baru influenza A(H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 33 kes import dan 5 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 01 Julai 2009 adalah berjumlah 196 kes yang terdiri daripada 166 kes import dan 30 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Maklumat berkaitan 38 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 30 warganegara Malaysia dan 8 warga asing (Indonesia(5), Sweden(1), Palestin(1) dan Argentina(1)). Daripada 33 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1), iaitu Australia (11), Indonesia (7), United Kingdom (4), Singapura (3), Thailand (3) dan masing-masing (1) bagi Amerika Syarikat, Argentina, Filipina, Cambodia dan China.

Kesemua 5 kes jangkitan tempatan melibatkan kes warga tempatan dimana 3 kes adalah pelajar dari Sekolah Menengah Tsun Jin, Jalan Loke Yew, Cheras, Kuala Lumpur. Manakala baki 2 kes lagi adalah, kontak kepada kes import 147 yang dilaporkan pada 30 Jun 2009 dan seorang lagi adalah pelajar yang menjadi kontak kepada kes import 143. Maklumat berkaitan 38 kes yang dilaporkan pada hari ini ada dalam Lampiran 1 yang disertakan.

Daripada 196 kes yang telah dikesan dan dilaporkan, baki pesakit Influenza A(H1N1) yang masih dirawat di hospital adalah berjumlah 86 orang dan kesemua mereka telah menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi. Jumlah pesakit mengikut hospital adalah Hospital Sungai Buloh (19 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (42 pesakit), Hospital Pulau Pinang (3 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (5 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (3 pesakit), Hospital Umum Sarawak (1 pesakit), Hospital Sibu (1 pesakit), Hospital Bintulu, Sarawak ( 1 pesakit ), Hospital Queen Elizabeth, KK (3 pesakit), Hospital Sandakan (1 pesakit), Hospital Tawau (1 pesakit), Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu (3 pesakit), Hospital TAR Klang (1 pesakit), Hospital Sultanah Nur Zahirah (1 pesakit) dan Hospital Melaka (1 pesakit).

Jumlah pesakit Influenza A(H1N1) yang telah sembuh rawatan setakat ini adalah berjumlah 110 orang dan mereka telah sembuh sepenuhnya dan telah didiscaj daripada hospital.

Pada masa ini dua (2) sekolah masih ditutup iaitu Sekolah Menengah Tsun Jin, Cheras, Kuala Lumpur dan Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban kerana terdapat jangkitan tempatan. Langkah ini adalah untuk mengawal penularan penyakit influenza A(H1N1) di

sekolah ini. Jumlah murid, cikgu dan pekerja sekolah yang terlibat dengan kurantin adalah 4,668. Tempoh kurantin mereka ini akan berakhir pada 3 Julai 2009.

Selain daripada itu terdapat sejumlah 778 kontak terdekat yang sedang menjalani kuarantin di rumah, dimaklumkan 3 daripada kontak tersebut 3 kontak telah mempunyai simptom dimasukkan ke hospital untuk siasatan. Jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 2,308 kes di mana, 196 kes telah disahkan positif influenza A(H1N1) manakala 151 kes masih menunggu keputusan.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 1 Julai 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 71,480 kes dengan 311 kematian daripada 116 negara, iaitu pertambahan 404 kes. Tiada pertambahan kematian dilaporkan. Negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah China (109), Singapura (72), Jepun (72) dan New Zealand (66).

### **Nasihat Kepada Orang Ramai**

Semua ibu bapa kepada pelajar-pelajar sekolah yang ditutup diminta untuk terus memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas agama. Semasa *home quarantine* 7 hari, mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak yang terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, atau KKM melalui talian hotline seperti di bawah untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pihak Kementerian Kesihatan meminta mereka ini untuk mengamalkan *self quarantine* di rumah atau tempat kediaman masing-masing serta mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin seperti yang telah dipromosikan oleh Kementerian.

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) adalah diminta untuk sentiasa mematuhi dan mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin. Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak

kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa. Untuk memudahkan orang awam mendapatkan maklumat berkaitan influenza A(H1N1), Kementerian Kesihatan telah menambah kemudahan yang berikut:

- a) Laman web khas influenza A(H1N1) Kementerian Kesihatan disediakan melalui alamat <http://h1n1.moh.gov.my> yang telah mula beroperasi 30 Jun 2009.
- b) Talian Hotline Influenza A(H1N1) yang beroperasi antara 8.00pagi hingga 9.00 malam disediakan melalui 4 talian, iaitu:
  - i. 03-88810200
  - ii. 03-88810300
  - iii. 03-88834414
  - iv. 03-88834415

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Influenza A(H1N1) yang telah diadakan pada hari ini (1Julai 2009) dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, keputusan yang berikut telah dibuat.

- a) Sebanyak 5 hospital swasta di Lembah Klang dan 29 Klinik Kesihatan di seluruh negara telah dikenalpasti untuk menyediakan khidmat pengambilan sampel 'throat swab' bagi kes-kes yang disyaki dijangkiti influenza A(H1N1).
- b) Penggunaan 'rapid test kit' ujian influenza A(H1N1) adalah tidak dibenarkan. Ini kerana ujian tersebut tidak sensitif dan spesifik untuk mengesan jangkitan influenza A(H1N1).
- c) Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia akan menggunakan terminologi 'influenza A(H1N1)' untuk disemua fasilitinya serta dalam komunikasinya seperti yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada mesyuaratnya minggu lepas(26Jun 2009).
- d) Kepada isu-isu self-quarantine dan pemeriksaan kesihatan dipintu masuk, perkara ini telah diperjelaskan seperti berikut;
  - i). Warga negara Malaysia yang didapati mempunyai simptom semasa pemeriksaan dipintu masuk dan telah melawat negara terjejas, akan diambil sampel throat swab dan diberikan rawatan profiklasis sebelum dibenarkan kembali ke rumah untuk kurantin di rumah. Bagi warga asing dari negara terjejas influenza A(H1N1), yang bersimptom mereka akan dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Kontak-kontak mereka hanya akan di kurantin apabila kes disahkan positif melalui ujian makmal.

- ii). Bagi mereka yang tidak bersimptom mereka dinasihatkan untuk `self monitoring` seperti yang telah dicatitkan dalam `health alert card` yang diberikan kepada mereka.
- iii). Mereka yang timbul simptom selepas kembali, daripada lawatan luar negara dinasihatkan ke klinik yang terdekat untuk pemeriksaan. Simptom termasuk batuk dan bukan setakat demam sahaja.
- iv) Mereka yang bersimptom digalakan menggunakan `3 ply surgical mask`. Maklumat penggunaan mask yang betul boleh didapati di laman web Kementerian Kesihatan.
- e) Kenyataan mengatakan bahawa pelawat yang datang ke Malaysia akan dikuarantin adalah tidak benar. Mereka hanya akan dikuarantin atau dimasukkan ke hospital jika bersimptom dan disahkan dijangkiti influenza A(H1N1). Kontak-kontak dalam penerbangan yang sama tiada dikuarantinkan kecuali mereka yang duduk dekat dengan KES YANG TELAH DISAHKAN dijangkiti influenza A(H1N1). Iaitu penumpang di 3 barisan hadapan dan belakang.

Sekian dan terima kasih.

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 1 Julai 2009

**LAMPIRAN 1**  
**SENARAI KES BARU INFLUENZA A(H1N1) PADA 1 JULAI 2009 SEHINGGA JAM 8.00 PAGI**

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
159	Malaysia	25	Pekerja restoran di Singapura	Menetap di Johor	Bas setiap hari (Malaysia-Singapura-Malaysia)  Bas: SBS 170 (sampai di Tambak Johor 9.00 am)	NA	Imported (Singapura)	25/6/2009	8 (kontak rumah)
160	Sweden	52	Pelancung	Melancung ke Malaysia	Sweden-Phuket, Thailand DLX 803 (22/6/09)  Phuket-KL AK823 (23/6/2009) KL-K. Kinabalu AK 5108 (23/6/2009)	32A	Imported (Sweden/Thailand)	25/6/2009	NA

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
161	Palestin	25	Pelajar IPTA	Belajar	AK 0393 (Jakarta- KL) (26/6/2009)	B4	Imported Indonesia	28/6/2009	5
162	Indonesia	5	Pelancung	Melancung (bersama keluarga)	Q7 7692 (Jakarta-KL) 6/2009	6ABCD (Satu Keluarga)	Imported Indonesia	29/6/2009	3
163	Malaysia	21	Pelajar (di Melbourne, Australia)	Bercuti	Air Asia D7 2723 (Melbourne-LCCT) (28/6/2009)	20D	Imported Australia	28/6/2009	5
164	Malaysia	21	Pelajar (di Melbourne, Australia)	Bercuti	MH 148 (Melbourne-KLIA) (27/6/2009)	20J	Imported Australia	28/6/2009	3
165	Malaysia	19	Pelajar IPTA	Melawat keluarga di Manila, Filipina (19/4/09- 25/6/09)	MH 705 (25/6/2009)	14 A	Imported Filipina	26/6/09	4
166	Indonesia	14	Pelancung	Bercuti	MH 710 (28/6/2009)	NA	Imported Indonesia	27/6/2009)	3
167	Malaysia	18	Pelajar di London, UK	Bercuti	MH001 (London-KLIA) 27/6/09	36B	Imported UK	28/6/09	9

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
168	Malaysia	25	Pelajar ( di Jakarta, Indonesia)	Bercuti	KLM KL 0810 (22/6/2009)	15J	Imported Indonesia	28/6/2009	NA
169	Malaysia	31	Pengurus Projek di Singapura	Menetap di Cheras, Malaysia dan menghadiri majlis perkahwinan pd 28/6/09	TR 456 (27/6/2009)	3C	Imported Singapura	29/6/09	4
170	Malaysia	20	Pelajar di Victoria Australia	Bercuti	Victoria- KLIA D7 2723 (28/6/09)	50G	Imported Australia	29/6/09	4
171	Malaysia	16	Pelajar	Bercuti di New York	KU 102 New York- Kuwait (27-28/6/2009) (KU 415 ) Kuwait- KLIA (28/6/2009-29/6/09)	11A	Imported USA	30/6/2009	NA

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
172	Malaysia	19	NA	Melawat Melbourne (Feb 2009-26/6/2009)	MH 128 (Melbourne-KLIA) MH 272 (KLIA-Sibu)	5D	Imported Australia (Melbourne)	27/6/2009	8
173	Malaysia	20	Pelajar	Menghadiri kontijensukan di London	MH 004 (28/6/2009, 7:45 am)	53A	Imported UK	26/6/09	5
174	Indonesia	7	Pelancung	Bercuti 29/6/09	Garuda Air	NA	Imported Jakarta, Indonesia (Pesakit pulang ke Jakarta pada 30/6/09)	29/6/09	2
175	Malaysia	20	Pelajar di Melbourne, Australia	Bercuti	MH 148 Melbourne-KLIA 28/6/09, 9 pm	41E	Imported Australia	28/6/2009	6

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
176	Malaysia	21	Pelajar di Melbourne, Australia	Bercuti	MH148 (Melbourne-KLIA) 28/6/09, 9 pm	37x	Imported Australia	28/6/09	4
177	Malaysia	26	Pekerja Bank	Pergi ke Bangkok (18/6/09- 23/6/09)	Air Asia AK743 23/6/2009	28A	Imported Thailand	27/6/2009	NA
178	Malaysia	19	Pelajar IPTS	Bercuti di London (27/6/09-28/6/09)	MH003 28/6/09 8.00 am (London-KLIA)	55C	Imported UK	28/6/09	NA
179	Malaysia	25	Konsultant pelancungan	Melancong ke Kemboja pada 18/6-24/6/09	Air Asia AK281	9D	Imported Cambodia	26/6/2009	6
180	Malaysia	34	Jurujual	Melancung ke China (23/6/09-28/6/09)	Air Asia AK113 (28/6/09)	24E	Imported China	27/6/2009	NA
181	Malaysia	17	Pelajar di UK	Bercuti	MH001 (London-KLIA) (28/6/09)	33A	Imported UK	28/6/2009	17
182	Malaysia	20	Pelajar di Melbourne, Australia	Bercuti	MH 148 (28/6/2009, 9 pm)	11D	Imported Australia	28/6/2009	2

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
183	Malaysia	20	Pelajar di Melbourne, Australia	Bercuti	MH148 (Melbourne-KLIA) 27/6/2009	G2	Imported Australia	28/6/2009	3
184	Malaysia	27	Juru ukur	Berkursus di Sydney (21/6/09-28/6/09)	MH122 (Sydney –KLIA, 28/6/09)	I7x	Imported Australia	28/6/09	1
185	Indonesia	11	Pelancung	Bercuti	MH 710 (KLIA 27/6/2009)	18C	Imported Indonesia	26/6/09	8
186	Malaysia	21	Pelajar di Melbourne Australia	Bercuti	Air Asia D7 2723 (Melbourne-LCCT) 27/6/2009  AK 5384 LCCT- Terengganu 27/6/09	19H  7C	Imported Australia	28/6/09	3

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
187	Malaysia	26	Pekerja IPTA	Bercuti di Bangkok (26/6/2009-29/6/2009)	ED3573	19F	Imported Thailand	29/6/2009	NA
188	Malaysia	22	Pelajar di Melbourne, Australia	Kapal terbang Melb- KLIA (29/6/2009)	D72725	5S	Imported Australia	26/7/09	NA
189	Argentina	35	NA	Kuching (23/6/2009)	MH202 (Argentina-KLIA)	45A- 45B	Imported Argentina	28/6/2009	1
190	Malaysia	20	Pelajar	Bercuti di Singapura (14/6/09-21/6/2009)	MH2504 (KLIA-Kuching) Kapal terbang Jet STAR 3k257 (Singapura- K. Kinabalu) (21/6/09) MH3011 KK- Lahad Datu	41K 26x/28x 8x	Imported Singapura	28/6/2009	

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
191	Indonesian	20	Pelajar di Bandung, Indonesia	Menghadiri seminar di USM (23/6/09)-kes tidak menghadiri seminar tetapi menghabiskan masa di hotel dan bersiar-siar)	Bas (Bandung -Jakarta) 23/6/09  Kapal terbang QZ 7668 (Jakarta-P.Pinang) 23/6/09)	B4	Imported Indonesia	27/6/09	5
192	Malaysia	28	Pelajar di Sekolah Menengah Tsu Jin, Cheras	Tiada sejarah perjalanan keluar negara	-	-	Tempatan Kontak kpd kes import no. 153 pada 25/6/2009	28/6/2009	20
193	Malaysia	16	Pelajar di Sekolah Menengah Tsu Jin, Cheras	Tiada sejarah perjalanan keluar.	-	-	Tempatan Kontak kepada kes import no.153	27/6/2009	9
194	Malaysian	19	Pelajar IPTS	Tiada pergerakan keluar negara	-	-	Tempatan Kontak kepada kes import no.143	28/6/09	20

No.Kes	Warganegara	Umur	Pekerjaan	Tujuan Perjalanan Ke Malaysia	Pengangkutan	No. Tempat Duduk	Tempat Jangkitan/ Jenis Jangkitan	Tarikh Onset	Bil. Kontak
195	Malaysia	26	Pekerja di syarikat swasta	-	-	-	Tempatan (kontak kepada kes no.147) pada 25/6/09	28/6/2009	6
196	Malaysia	16	Pelajar di Sekolah Menengah Tsu Jin, Cheras	Tiada sejarah keluar negara	-	-	Tempatan Kontak kepada kes 153 dan kes 140 (pelajar di sekolah yang sama dan kelas yang sama)	27/6/2009	4